



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

POLISI LAWATAN UNTUK PENJAGA DAN PELAWAT DI HOSPITAL KKM SEMASA COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan, selari dengan perkembangan semasa COVID-19, polisi lawatan untuk penjaga dan pelawat hospital KKM telah dikemaskini.

Ini bertujuan untuk mengurangkan risiko penularan COVID-19 di hospital serta memutuskan rantaian jangkitan wabak secara berterusan. Ia penting bagi melindungi pesakit, pelawat dan petugas kesihatan daripada jangkitan COVID-19 serta memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berterusan.

Hanya beberapa kategori pesakit boleh ditemani oleh penjaga atau melawat pesakit, iaitu:

- pesakit yang menghidap penyakit kritikal;
- pesakit yang memerlukan penjagaan palliatif;
- pesakit yang tenat (*end of life*);
- pesakit kurang upaya;
- pesakit warga emas;
- pesakit yang memerlukan bantuan komunikasi;
- pesakit kanak-kanak; dan
- ibu di dalam proses bersalin.

Pelawat atau penjaga yang dibenarkan untuk melawat dan menjaga pesakit mestilah:

- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Telah lengkap vaksinasi COVID-19;
- Tidak tergolong dalam kumpulan yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 (contoh: warga tua, mempunyai pelbagai komorbiditi atau sistem imuniti yang lemah);
- Tidak disyaki menghadapi COVID-19 atau individu dalam pemantauan (PUS); dan
- Tidak mempunyai gejala COVID-19.
- Mengisi borang deklarasi COVID-19 serta mematuhi SOP dan memakai alat pelindung diri (PPE) seperti yang ditetapkan.

Manakala bagi penjaga pula, mereka perlu menjalani ujian saringan COVID-19 iaitu RT-PCR atau RTK Antigen (dalam masa 72 jam sebelum masuk ke hospital) dan disahkan negatif.

Individu yang ingin menemani ibu mengandung semasa proses bersalin hendaklah menjalani ujian saringan COVID-19 iaitu RT-PCR atau RTK Antigen (dalam masa 72 jam sebelum masuk ke hospital) atau RTK Antigen Saliva (semasa ketibaan di hospital) dan disahkan negatif.

Bagi pesakit yang menerima rawatan pesakit luar atau Jabatan Kecemasan, hanya seorang penjaga sahaja dibenarkan. Sekiranya pesakit dimasukkan ke wad bukan COVID-19, seorang penjaga dibenarkan untuk menemani pesakit dan seorang pelawat dibenarkan sepanjang sesi lawatan.

- Ini terhad kepada kategori pesakit yang telah dinyatakan seperti di atas. Ujian COVID-19 menggunakan RTK-AG Saliva adalah digalakkan sebelum lawatan.

Bagi **pesakit bukan COVID-19** yang sedang tenat (*end of life*) dan berada di wad, lawatan keluarga adalah dibenarkan namun ia terhad kepada 2 orang dalam satu-satu masa dan bergantung kepada keadaan.

Tiada pelawat dibenarkan bagi pesakit COVID-19, **kecuali** bagi pesakit yang sedang tenat (*end of life*) samada pesakit di wad atau di Unit Rawatan Rapi di mana seorang pelawat sahaja dibenarkan pada satu-satu masa.

Bagi tujuan **menemani pesakit COVID-19** yang dimasukkan ke wad, hanya seorang penjaga sahaja dibenarkan untuk menemani pesakit. Ini **terhad kepada pesakit kanak-kanak atau pesakit yang memerlukan bantuan penjagaan khusus**.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu di mana risiko penularan COVID-19 adalah tinggi seperti berlakunya wabak COVID-19 di hospital, pihak hospital boleh melakukan beberapa pengubahsuaian kepada polisi yang sedia ada bagi menjamin kesihatan dan keselamatan semua pihak.

KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Kesihatan

26 November 2021